

Kaji punca sebenar jenayah berlaku

BH 6/9/13 Ms 16

» *Peraturan lebih ketat bantu banteras jenayah*

Oleh Hassan Omar dan Fitri Nizam
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Belum ada kajian ilmiah dilakukan mengenai punca sebenar jenayah berlaku di negara ini sedangkan ia penting untuk membantu memerangi gejala itu.

Timbalan Pengarah (Risik/Operasi) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Mazlan Mansor, berkata semua pihak harus melihat apa akan berlaku 10 atau 20 tahun akan datang jika punca sebenar jenayah berlaku tidak dikaji bagi membolehkan usaha diambil untuk mengatasinya.

“Kita perlu melihat punca sebenar jenayah berlaku. Polis menangkap dan mendakwa pihak terbabit dalam jenayah dan kalau ada bukti kukuh, pelakunya akan dihukum. Oleh sebab tiada kajian khusus mengenai punca itu, kita lihat masalah sosial (itu) terus berlaku.

“Sekarang kita perlukan undang-undang yang benar-benar kuat untuk mengambil tindakan membanteras jenayah. Insyallah dalam sidang Parlimen akan datang ini, kita akan dapat undang-undang lebih kuat,” katanya.

Isu jenayah

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab Wacana Majlis Profesor Negara (MPN) ‘Masyarakat dan Jenayah: Di Mana Kita?’ di sini, semalam.

Wacana anjuran MPN dengan kerjasama BH yang bertujuan mengupas pelbagai isu berkaitan jenayah dan menyebarkan maklumat mengenai kesannya terhadap masyarakat dan negara itu dihadiri kira-kira 200 orang.

Hadir sama, Ketua Polis Ne-

gara, Tan Sri Khalid Abu Bakar yang menyampaikan ucapan; Pengerusi MPN, Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid yang merasmikan wacana itu; Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mior Kamarul Shahid; Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Mahfar Ali dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Hadi Ho Abdullah.

Selain Mazlan, dua lagi anggota panel perbincangan berkenaan ialah Ahli Kriminologis, Datuk Akhbar Satar dan Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Prof Dr Abdul Hadi Zakaria.

Sementara itu, Akhbar berkata, kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti mengapa

masyarakat kaum tertentu menyertai gengsterisme, terutama hal berkaitan faktor mereka gagal dalam pelajaran dan persekitaran tempat tinggal.

Punca pelajar terbabit

“Sekarang ada kes pelajar sekolah direkrut oleh kumpulan samseng untuk mengedat dadah. Di Amerika Syarikat, kalau ada kanak-kanak mencuri pen, dia akan diberi peringatan kalau awak mencuri, awak tidak boleh menulis tetapi di negara kita, guru terus menghukum tanpa memberi penjelasan mengapa perbuatan mencuri itu salah,” katanya.

Abdul Hadi pula berkata, kes jenayah membabitkan pelajar sekolah kebanyakannya berpunca daripada keadaan di luar sekolah lebih menarik berbanding di sekolah.

“Pelajar pandai membuat perbandingan apa yang ada di luar dan apa yang ada di sekolah. Semua pihak harus mengambil inisiatif untuk menangani masalah ini. Kita kena tanya macam mana gangster boleh membuat tawaran kepada mereka,” katanya.



Antara peserta seminar yang hadir pada majlis Wacana Majlis Profesor Negara Masyarakat dan Jenayah di Mana Kita.